

THE EVOLUTIONARY PROCESS OF CULTURE IN THE PERFORMANCE OF SARAWAK MALAY DRUMS

PROSES EVOLUSI BUDAYA DALAM PERSEMBAHAN GENDANG MELAYU SARAWAK

Nadia Fadila Binti Ali

Universiti Teknologi MARA

Syahrul Fithri Musa

Universiti Teknologi MARA

Corresponding Author
sfitri315@uitm.edu.my

Abstract: Gendang Malay Sarawak, or 'bergendang,' remains a cultural practice within some segments of the Malay community in Sarawak. Historically, bergendang and mukun were highly entertaining performing arts, particularly among the youth. However, the frequency of these drumming performances has significantly diminished over time. This research investigates the factors contributing to the decline in popularity, which has brought this art form to the brink of extinction, particularly due to the dwindling involvement of younger generations. Drawing on Charles Darwin's (1859) theory of cultural evolution, which posits that cultures must exhibit resilience to survive in modern times, this study examines the current state of bergendang. Despite its reduced presence, this traditional art form can still be found on the radio and cultural stages. Through interviews with practitioners, this study explores the transformations in bergendang performance and its struggle for survival in contemporary society.

Keywords: Gendang Sarawak Malay, cultural evolution, Malay culture, performing arts

Abstrak: Gendang Melayu Sarawak atau bergendang merupakan satu aktiviti yang masih diamalkan oleh sebahagian masyarakat Melayu di Sarawak. Bergendang dan bermukun merupakan aktiviti kesenian yang sangat menghiburkan

terutama dalam kalangan anak muda pada zaman dahulu. Namun kini, persembahan bergendang ini jarang diadakan mengikut keperluan seperti dahulu. Oleh itu, penyelidikan ini berusaha untuk meneroka penurunan populariti sehingga berada di ambang kepupusan kerana kekurangan lapisan belia. Charles Darwin (1859) mempercayai evolusi budaya iaitu budaya itu sendiri mestilah mempunyai daya tahan atau kebolehan mempertahankan diri agar dapat meneruskan kewujudannya pada zaman moden seperti mana spesies hidupan mempertahankan diri untuk terus hidup. Dalam konteks kontemporari, seni ini masih terdapat di radio atau pun dipersembahkan di pentas kebudayaan. Kajian ini menemubual beberapa orang yang mengamalkan bergendang untuk dapatan revolusi yang berlaku dalam persembahannya.

Kata Kunci: Gendang Melayu Sarawak, evolusi budaya, budaya Melayu, seni persembahan

1. PENGENALAN

Penciptaan alat muzik gendang sedikit sebanyak mempengaruhi kewujudan kesenian dan kebudayaan dalam kalangan masyarakat zaman dahulu. Tambahan pula, kebijaksanaan manusia sejagat pada zaman dahulu telah mendorong mereka untuk mencipta sesuatu berasaskan alam semula jadi; ciptaan yang mampu menghasilkan bunyi sekaligus menghiburkan mereka. Pada dasarnya, muzik memainkan peranan penting dalam menggambarkan identiti sesebuah kaum atau etnik selain berfungsi sebagai 'welten schnaung' atau pandangan umum bagi sesebuah masyarakat tersebut. Sarawak merupakan negeri contoh yang mempunyai pelbagai kaum dan suku. Kepelbagaian kaum dan suku ini menjadi pencetus kepada kepelbagaian kesenian dan kebudayaan di Sarawak. Salah satu kesenian dan kebudayaan yang terkenal di Sarawak ialah Gendang Melayu Sarawak. Meskipun melalui peredaran masa yang deras, seni persembahan Gendang Melayu Sarawak tidak ketinggalan turut mengalami perubahan mengikut kesesuaian dari semasa ke semasa.

Gendang Melayu Sarawak meliputi beberapa elemen dalam persembahannya dan merupakan salah satu seni persembahan yang dianggap sebagai satu aktiviti seni yang melambangkan keharmonian sejagat. Fitrah semula jadi manusia sememangnya mengagungkan sesuatu yang boleh menghiburkan jiwa dan perasaan mereka. Sebagaimana manusia mengagumi keindahan dan kesenian, maka secara tidak langsung naluri menyukai hiburan sememangnya sudah wujud dalam diri manusia kerana cinta manusia terhadap seni sudah wujud sejak zaman dahulu. Hal ini turut diujahkan oleh Sidi Gazalba (1977) di dalam bukunya *Pandangan Islam Tentang Kesenian*, yang menyatakan bahawa kesenian adalah sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh manusia yang mempunyai fitrah semula jadi mencintai seni melalui lima pancaindera. Seni persembahan Gendang Melayu Sarawak ini merupakan salah satu seni tradisi yang telah menjadi sebahagian aspek penting dalam kehidupan sosial masyarakat Melayu di Sarawak. Seni persembahan bergendang ini tidak terhad kepada kumpulan bergendang yang dianggotai oleh etnik Melayu Sarawak sahaja, namun turut diamalkan oleh pelbagai etnik lain di Sarawak iaitu etnik Iban, Melanau dan etnik Kedayan di Miri. Dendangan pantun pula akan didendangkan dalam bahasa Iban, Melanau dan Kedayan.

Seni persembahan bergendang kini telah melalui perubahan ketara akibat daripada arus pemodenan yang deras. Jika diteliti, terdapat penambahan dari segi peralatan muzik dalam seni persembahan bergendang ini. Persembahan Gendang Melayu Lama dipercayai telah bertapak di Sarawak sebelum kedatangan Rajah Putih ke Sarawak. Kini, dengan munculnya Gendang Melayu Baru berikutan terdapat penambahan peralatan seperti biola, gong, akordian, dan keyboard. Malah, dengan wujudnya corak persembahan yang lebih urban dan mengikuti arus perdana, maka tujuan asal seni

persembahan Gendang Melayu Sarawak telah jauh menyimpang kerana kini seni persembahan ini lebih tertumpu ke arah hiburan sosial selain menjadi salah satu sumber pendapatan para penggiat seni persembahan ini.

Jika dahulu masyarakat Melayu Sarawak sering mengadakan pertandingan bergendang (Gendang Melayu Sarawak) sebagai persembahan popular dalam sesebuah upacara perkahwinan, disebabkan lokasi telah berubah dan kos telah bertambah, maka kini bergendang tidak lagi menjadi sebuah persembahan popular dalam sesebuah majlis perkahwinan. Jika acara penting seperti majlis perkahwinan tidak lagi mengadakan seni bergendang ini, apatah lagi acara keramaian yang lain, contohnya majlis berkhatan, cukur jambul, dan sebagainya. Hal ini demikian kerana seni persembahan ini bukan sahaja menjadi media hiburan bahkan juga merupakan salah satu bentuk falsafah seni budaya bangsa yang popular dalam kalangan warga emas bagi memancarkan nilai-nilai murni, ideologi, sikap, malah turut menjadi wadah atau platform citra bangsa Malaysia yang jelas terdiri daripada pelbagai kaum, etnik dan keturunan. Situasi ini turut dipengaruhi oleh kadar penerimaan orang muda terhadap seni persembahan bergendang ini. Hal ini demikian kerana, apabila kurangnya pendedahan seni persembahan ini terhadap para belia atau remaja, maka tidak hairanlah jika golongan ini tidak menjemput para kumpulan bergendang sebagai salah satu persembahan di majlis persandingan mereka. Stigma golongan ini yang lebih menganggap seni persembahan ini adalah hiburan warga tua sedikit sebanyak menjadi penyebab mengapa mengapa persembahan bergendang dianggap hiburan para nenek atau seusia dengan mereka.

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan penemuan berpaksikan tiga objektif utama iaitu mengenalpasti elemen persembahan yang wujud dalam seni persembahan bergendang. Objektif kedua adalah menganalisis proses evolusi budaya yang terdapat dalam bergendang, dan yang ketiga meneliti penerimaan penggiat seni persembahan bergendang terhadap perubahan yang berlaku dalam persembahan bergendang.

2. SOROTAN KAJIAN

2.1 Sorotan Persembahan Bergendang dan Teori Evolusi Budaya

Gendang Melayu Sarawak dipercayai berasal daripada pengaruh yang dibawa oleh pedagang Arab ke Sarawak pada zaman pemerintahan Rajah Putih iaitu sekitar tahun 1925. Pada awal kemunculan persembahan bergendang ini adalah untuk mendidik dan menyemai nilai murni yang menjadi tiang utama keperibadian masyarakat Melayu ketika itu. Persembahan bergendang yang diiringi alunan pantun dan tandak menyelitkan pemikiran kasih sayang terhadap manusia sejagat. Walau bagaimanapun, tema atau pemikiran kasih sayang tersebut tidak terhad kepada pasangan lelaki dan

perempuan sahaja tetapi juga merangkumi kasih sayang antara ibu dan anak, sahabat handai atau kekeluargaan.

Menyoroti kajian pertama, Mohd Fauzi Abdullah et.al., (2002) iaitu Pemikiran Cinta Bermukun Dalam Gendang Melayu Sarawak membincangkan gambaran pemikiran yang terkandung dalam persembahan seni bergendang atau bermukun. Kajian mereka mendapati tujuan mukun yang dilafazkan secara spontan adalah untuk mendidik, mengkritik dan menghiburkan masyarakat secara halus melalui bait-bait pantun mengikut tema majlis. Kajian mereka juga menyatakan bahawa setiap bait pantun yang dilafazkan lebih menjurus ke arah cinta yang menggambarkan kepelbagaian pemikiran. Selain itu, kajian tersebut juga turut menyentuh tentang cinta insani yang menjadi dukungan manusia yang sememangnya dilahirkan dengan emosi dan perasaan yang kompleks yakni perasaan cinta terhadap pertwi, seni dan juga ketuhanan. Namun begitu, kajian mereka tidak menyentuh pemikiran sosial atau permasalahan yang berlaku dalam kalangan anak-anak muda. Hal ini kerana, pengkaji melihat dari aspek sosial yang pada anggapan pengkaji turut menjadi kayu ukur terhadap kelestarian seni persembahan ini.

Hujahan Mohd Fauzi Abdullah et.al (2002) cuma terhad kepada pemikiran cinta bermukun dalam Gendang Melayu Sarawak serta pantun dan irama yang didendangkan dalam seni persembahan tersebut. Berdasarkan kajian tersebut, persembahan bergendang secara dasarnya berfungsi untuk menghiburkan penonton melalui pantun serta bunyi paluan gendang. Hal ini demikian apabila metafora, kiasan, dan ibarat yang terdapat di dalam bait pantun umpama nuansa yang hadir tepat pada masanya. Malah, pemikiran cinta dalam persembahan bergendang menurut kajian tersebut diibaratkan sebagai gambaran mata dunia masyarakat yang memperihalkan pelbagai ragam di dalamnya.

Perbincangan mengenai Gendang Melayu Sarawak tidak lari daripada berbincang tentang elemen pantun yang terdapat di dalamnya. Justeru, sorotan kajian kedua ialah melalui kajian Robson (1995) yang bertajuk *Gendang Melayu Sarawak : A Pantun Exchange of the Sarawak Malay Community* yang pada dasarnya mengkaji tentang pertukaran pantun Gendang Melayu Sarawak. Robson secara terperinci melihat puisi Melayu tradisional dan seni tradisi bergendang di Sarawak iaitu meneliti latihan, penyanyi dan penari dan juga alat muzik yang digunakan. Robson juga dengan teliti menentukan maksud persembahan bergendang dan mengkaji pertukaran pantun tersebut merupakan salah satu komponen dalam persembahan bergendang. Selain itu, Robson turut memerhati dan meneliti teknik persembahan yang digunakan. Apa yang pengkaji dapat nyatakan, penelitian yang Robson lakukan menjadi titik tolak kepada kajian ini kerana pengkaji melihat aspek pantun adalah aspek utama yang

menggerakkan seni persembahan ini. Pengkajian Robson lebih kepada menganalisa teks pantun itu sendiri dan bukannya persembahan Gendang Melayu Sarawak secara keseluruhan.

2.2 Sorotan Evolusi Budaya

Terdapat beberapa penulisan yang menyentuh tentang evolusi budaya dan dapat dirujuk, contohnya penulisan oleh Muhammad Irfan Nyia Abdullah et. al. (2013) iaitu Rodat: Budaya Tradisi Yang Berevolusi. Dalam penulisan tersebut, rodan juga mengalami evolusi dalam tradisi persembahan. Kesenian rodan mengalami proses evolusi dari segi fungsi, kostum, lirik dan juga struktur persembahan. Perkara ini berlaku adalah disebabkan perubahan zaman serta keengganan anak muda mewarisi kesenian rodan ini. Penulisan tentang rodan ini sedikit sebanyak mempunyai persamaan dalam kajian pengkaji, maka penulisan ini menjadi garis panduan terhadap hala tuju ini walaupun pengkaji mengkaji persembahan yang berbeza dan mengaplikasi teori yang berbeza untuk menganalisis proses evolusi budaya yang berlaku dalam sesebuah persembahan kesenian.

Sorotan kajian seterusnya ialah pengkajian oleh Bartok (1972) yang menyebut bahawa evolusi ialah sesuatu yang sama tetapi melibatkan perkembangan yang melalui proses semula jadi daripada sesuatu yang pernah wujud sebelumnya yang telah berubah. Seperti yang dikatakan oleh Bartok (1972) bahawa, “perkembangan dalam kesenian sama ada cepat atau perlahan adalah kepentingannya mencetus evolusi, bukannya revolusi.” Bartok (1972) juga berhujah bahawa komposer yang telah mencapai pencapaian yang tinggi sepanjang dekad ini tidak merobohkan revolusi, sebaliknya berlaku kerana evolusi perkembangan seni telah berada pada satu tahap yang stabil dan berterusan. Beliau turut menyatakan bahawa Stravinsky juga melalui pelbagai evolusi dengan memulakan octet untuk beberapa alat muzik. Hal ini menunjukkan bahawa Stravinsky mempamerkan ketulusan dalam prinsip evolusi.

Mesoudi (2015) pula memberikan gambaran keseluruhan tentang teori budaya evolusi, teori yang disebarkan secara sosial dan berkembang mengikut cara yang dikemukakan oleh Darwin dalam *The Origin of Species*, iaitu ia terdiri daripada sistem variasi, kesesuaian pembezaan dan pewarisan. Mesoudi juga mengkaji bagaimana kaedah filogenetik telah digunakan untuk membina semula makroevolusi budaya, termasuk evolusi bahasa, teknologi dan organisasi sosial.

3. METODOLOGI

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kajian secara kualitatif. Kajian kualitatif digunakan secara meluas dalam kajian sains sosial. Hal ini demikian supaya

penyelidik dapat mengkaji fenomena, dan sosial sesebuah budaya atau masyarakat melalui tindakan pemerhatian terhadap perasaan atau emosi, pemikiran, kepercayaan, dan juga tingkah laku masyarakat. Sumber data kualitatif mencakupi pemerhatian dan kerja lapangan, temu bual, soal selidik, dokumen dan teks serta reaksi penyelidik.

Pengkaji mengaplikasikan kaedah temubual untuk kajian ini. Kaedah temubual adalah kaedah yang sesuai untuk mencari jawapan dan perkongsian terutama daripada pengamal-pengamal seni budaya. Selain itu, kaedah temubual merupakan kaedah paling relevan untuk mendengar sendiri pendapat dan perkongsian daripada responden yang sudah uzur. Kaedah temubual terhadap individu-individu yang dipilih merupakan kaedah yang sangat penting dan seringkali digunakan oleh penyelidik kualitatif kerana melalui kaedah ini pengkaji dapat mengetahui apa yang ada dalam fikiran mereka dan bagaimana perasaan mereka secara tepat. Kajian ini juga secara kritis bertujuan untuk mengumpul maklumat-maklumat berharga daripada pemukun, penandak, dan ahli akademik secara khusus tentang Gendang Melayu Sarawak. Antara responden yang terlibat dalam sesi temubual untuk dapatan kajian ini ialah individu sebagai pemukun, individu selaku penandak atau tekong, individu selaku Seh Gendang, dan individu-individu selaku ahli akademik. Oleh itu kaedah kualitatif akan menjadi penemuan yang lebih tepat kerana orang yang ditemubual akan memberikan jawapan atau pendapat yang lebih jujur dan padat melalui interaksi peribadi dengan penemubual.

4. DAPATAN KAJIAN

4.1 Elemen Penting dan Proses Evolusi Budaya Dalam Persembahan Gendang Melayu Sarawak

Temubual dalam kajian ini membabitkan beberapa responden untuk mendapatkan maklumat yang terperinci tentang persembahan bergendang. Kajian ini telah memperoleh maklumat dikehendaki melalui responden yang mewakili penggiat persembahan bergendang, ahli akademik, dan seh gendang. Sebagaimana seni persembahan yang lain, persembahan Gendang Melayu Sarawak juga tidak lari dari keunikannya kerana mempunyai elemen-elemen persembahan tersendiri. Hal ini termasuklah dari segi lemah gemalai gerak tari penandak, bait-bait halus pantun yang dilontarkan serta kuat dan rancak pukulan gendang atau rebana persembahan bergendang. Menurut Ramdi Bujang (2022), terdapat empat elemen utama dalam persembahan bergendang. Empat elemen tersebut ialah rebana, seh gendang, pantun, dan pemukun. Tanpa salah satu daripada empat elemen ini, maka tidak terjadi sebarang persembahan bergendang. Rebana (gendang) Melayu merupakan salah satu alat muzik yang popular yang wujud dalam semua budaya masyarakat Sarawak. Peranan gendang pada waktu itu hampir sama dalam semua kaum yang ada di

Sarawak. Namun, bentuk dan rentak gendang adalah berbeza dari segi tukuk (pukulan) gendang tersebut. Sejarah penggunaan gendang pada zaman sebelum pemerintahan Rajah Putih lebih kepada upacara ritual atau perubatan (Ab Samad Kechot et.al, 2017). Hal ini turut diakui oleh penggiat seni ini iaitu Ramdie Bujang dan Jamal Johari (2022). Walau bagaimanapun, penggunaan gendang juga tidak lari daripada kegunaannya sebagai alat muzik yang digunakan ketika persembahan pencak silat bagi kaum Melayu dan Melanau. Malah, kaum Iban menggunakan gendang ini sebagai alat perang. Namun demikian, dalam konteks kajian ini, perbincangan tentang gendang menjurus kepada gendang yang digunakan sebagai alat muzik untuk persembahan hiburan bagi kaum Melayu di Sarawak khususnya.

Elemen kedua yang perlu ada bagi melengkapkan sebuah persembahan bergendang ialah kehadiran Seh Gendang. Seh Gendang terdiri daripada gadis-gadis yang belum berumahtangga. Seh Gendang akan menukuk (memalu) rebana (gendang) mengikut tingkah kaki penandak. Seh gendang perlu mempunyai vokal yang mantap. Ramdi Bujang ketika ditemubual di kediamannya mengatakan bahawa pada zaman dahulu Seh Gendang juga digelar Lela Suara kerana kelunakan suara Lela Suara ini dikhabarkan mampu menarik perhatian penduduk kampung sehinggakan penduduk dari kampung sebelah pun mampu mendengar suaranya. Jarak antara kampung pada ketika itu juga dikhabarkan jauh daripada satu sama lain, iaitu lebih kurang tujuh tanjung. Ketika seh gendang menukuk (memalu) rebana bererti persembahan pun bermula. Ramdi Bujang ketika ditemubual:

“Dalam bergendang ini mesti ada seh gendang, mesti ada bermukun. Bermukun ialah berpantun. Pantun hanya dilantun oleh seh gendang apabila pantun dijawab, inilah dinamakan bermukun”

Elemen seterusnya dalam persembahan bergendang ialah pantun yang akan dilantunkan oleh Seh Gendang. Sekiranya ada penandak yang membalas pantun maka tindakan tersebut dinamakan bermukun (37 tahun, Penandak). Pantun pula dilontarkan secara spontan mengikut hukum pantun iaitu pantun dua kerat dan pantun empat kerat dan dilagukan dalam bahasa Melayu Sarawak sesuai dengan tema majlis. Sebagai contoh, jika bergendang dipersembahkan ketika majlis perkahwinan, maka pantun yang dilontarkan bertemakan cinta. Berbeza pula dengan maklumat yang diperoleh dari temubual bersama dengan Jamal Johari iaitu seorang penggiat seni persembahan bergendang. Menurut Jamal Johari (2022), elemen bergendang tidak lari daripada tiga aspek utama iaitu lagu irama, tandak dan tukuk. Lagu irama merujuk kepada jenis irama lagu yang dimainkan semasa persembahan bergendang diadakan. Antara contoh lagu irama yang selalu dipersembahkan dalam persembahan bergendang ialah Samsudin, Selendang Mayang, Cinta Beraie, Sayang Sarawak, dan sebagainya.

Elemen seterusnya ialah tandak. Tandak pada ketika itu terbahagi kepada beberapa jenis tandak. Menurut Ramdi Bujang (2022), setiap tandak ada maksudnya. Setiap gerak langkah tandak mesti mempunyai maksud sesuatu dan bukan “kosong”. Terdapat juga penandak yang menutupi wajahnya kerana enggan diketahui identitinya. Penandak yang menggunakan kain untuk menutupi wajahnya digelar sebagai penopeng. Penopeng menggunakan topeng untuk menutup wajahnya kerana bimbang identiti terdedah. Sepertimana lagu irama, tandak juga mempunyai pelbagai jenis, antaranya ialah Tandak Saok dan Tandak Teter. Menurut Jamal Johari (2022), tandak juga berlainan mengikut trend sesebuah tempat. Sarawak ialah negeri yang dikenali sebagai negeri jajahan Brooke selain Brunei. Semasa dalam tempoh jajahan Brunei, para bangsawan datang ke Sarawak dan telah mempengaruhi persembahan bergendang.

Elemen ketiga menurut Jamal Johari lagi ialah pukulan gendang. Persembahan bergendang tidak akan sempurna tanpa “tukuk” dari rebana oleh Seh Gendang. Jenis pukulan pada gendang adalah mengikut tingkah tukang tandak. Jika lagu irama Sayang Sarawak, maka pukulan pada gendang adalah lemah lembut dan sopan namun masih kuat tingkahnya. Jika lagu irama Selendang Mayang maka pukulan pada gendang berubah menjadi rancak dan laju. Walau bagaimanapun, beliau tidak bersetuju jika elemen gendang pada waktu pemerintahan Brooke dahulu mesti berpantun. Hal ini demikian kerana menurut beliau, pada zaman mula-mula kewujudan persembahan bergendang ini, pantun dalam bergendang belum wujud. Pada ketika itu persembahan bergendang hanyalah terdiri daripada gendang dan tandak sahaja. Ketika ini juga primadona Seh Gendang mengeluarkan atau melontarkan pantun mengikut gerak geri atau gerak tari penandak. Penandak tidak berbalas pantun tetapi hanya mencampakkan duit kepada Seh Gendang di sebalik tabir. Justeru, berdasarkan temubual yang telah dijalankan, terdapat pandangan yang berbeza tentang elemen persembahan yang terdapat dalam sesebuah persembahan bergendang. Walaupun terdapat perbezaan pendapat tentang elemen wajib dalam persembahan bergendang, namun kedua-dua responden mengakui terdapat evolusi dalam persembahan bergendang kini berbanding dahulu.

4.2 Evolusi Fungsi Persembahan Bergendang

Dalam kajian ini, pengkaji menemui terdapat tujuh aspek evolusi dalam persembahan bergendang. Fungsi bergendang telah melalui perubahan yang ketara selari dengan peredaran zaman. Salah satu aspek tersebut ialah evolusi dari segi fungsi persembahan bergendang. Menurut responden, fungsi persembahan bergendang pada masa dahulu ialah untuk merawat dan mengubati pesakit yang mengalami

penyakit misteri. Gendang akan ditabuh untuk memanggil semangat yang “tidak nampak”.

“Pertama-tama dolok, gendang air. Gendang air tok nang pakei orang berubat. Tujuannya memang perubatan ajaklah. Pukulannya pun slow (perlahan), mendayu-dayu. Pantunnya memanggil, semangat akan ditunggah. Lelaki akan dirasuk semangat. Nya yang embak gerak ya macam berkuntor. Kuntor tok macam silat. Waktu itulah mereka berubat”. (Ramdi Bujang, 2022).

Tujuan gendang air diadakan adalah untuk mengubat pesakit yang mengalami gangguan sihir, makhluk halus, dan sebagainya. Selain itu, fungsi lain persembahan bergendang pada zaman dahulu ialah untuk mencari jodoh. Lelaki bujang akan menyertai persembahan tersebut dan mula mengintai seh gendang yang berselindung di sebalik tabir (langsir). Pada ketika itu, jika terdapat keramaian, maka para lelaki bujang dan para gadis-gadis tidak akan melepaskan peluang untuk mencari jodoh. Walau bagaimanapun, sejak kedatangan Islam ke Sarawak pada waktu itu, maka sedikit sebanyak mempengaruhi respon masyarakat terhadap pergaulan di antara lelaki dan wanita. Menurut Ramdi Bujang (2022) sejak kedatangan Islam penduduk atau masyarakat sangat mementingkan agama sehinggakan Seh Gendang dijaga sebaik mungkin oleh pengawal kerana bimbang menjadi mangsa intai penandak. Pada waktu itu, keadaan “tangkap salah” boleh menjadi keadaan yang sangat rumit sehinggakan tindakan pasangan atau lelaki dan wanita yang bertukar kain perca atau sapu tangan di antara satu sama lain boleh dijatuhkan hukum atas kesalahan “tangkap salah”. Bukan itu sahaja, penandak yang hadir ke persembahan tersebut turut dijaga oleh pengawal kerana bimbang takut terjadinya perbalahan antara satu sama lain.

Sebagai tambahan, fungsi lain persembahan bergendang pada masa dahulu ialah sebagai salah satu platform untuk mencari jodoh. Setiap kali persembahan bergendang diadakan, para lelaki bujang tidak akan melepaskan peluang untuk berkenalan dan bersua dengan gadis-gadis pada ketika itu. Kelunakan suara Seh Gendang ketika melantunkan pantun menarik perhatian mereka. Walau bagaimanapun, mereka tidak boleh salah langkah kerana bimbang akan ditangkap salah. Selain itu, pada masa dahulu, persembahan bergendang juga diadakan apabila sesebuah keluarga tersebut memperoleh atau menuai padi dengan banyak pada musim menuai pada atau beranyi. Persembahan bergendang pada waktu ini lebih kepada mensyukuri rezeki yang datang melimpah ruah. Malah, apa yang menariknya, persembahan bergendang juga diadakan ketika proses menggantung kelambu pengantin yang bakal berkahwin oleh penduduk kampung. Proses menggantung kelambu ialah proses atau langkah awal menuju ke majlis perkahwinan dan proses ini merupakan simbolik kepada pasangan pengantin yang bakal berkongsi kehidupan selepas itu. Berdasarkan penemuan ini, pengkaji melihat fungsi persembahan bergendang telah berkembang daripada berfungsi sebagai medium perubatan kepada

fungsi-fungsi lain yang berkaitan dengan amalan seharian atau acara rasmi yang diadakan boleh masyarakat kampung.

4.3 Evolusi Penggunaan Alat Muzik

Persembahan bergendang juga mengalami evolusi dari aspek penggunaan alat muzik. Pada ketika bergendang berfungsi untuk tujuan perubatan, alat muzik yang digunakan dalam persembahan bergendang ialah gendang sahaja dan tidak dicampur aduk dengan pelbagai alat muzik lain. Namun begitu, apabila fungsi bergendang telah berkembang terutama ketika digunakan untuk menghibur para tetamu di acara-acara atau majlis-majlis rasmi, terdapat campuran dalam penggunaan alat muzik dan bukan bergantung dengan gendang semata-mata. Seiring dengan perkembangan semasa, kini persembahan bergendang bercampur dengan penggunaan beberapa alat muzik lain. Antara contoh alat muzik lain yang digunakan bersama-sama dengan gendang ialah biola. Menurut Ramdi Bujang (2022), penggunaan biola dalam persembahan bergendang bermula semasa zaman pemerintahan Brooke lagi namun tidak semua tempat. Hanya sesetengah tempat sahaja menggunakan biola pada waktu itu.

“Biola datang bersama dgn kehadiran Inggeris dan digunapakai dalam gendang Melayu sebagai pengiring pukulan gendang semasa zaman tersebut” (Jamal Johari, 2022).

Terdapat juga kumpulan menggunakan gendang dan selain menggunakan gong. Variasi penggunaan pelbagai jenis alat muzik ini menghasilkan alunan tabuh atau tukul yang lebih harmoni. Semakin zaman menginjak ke arah kemajuan, kini terdapat juga persembahan bergendang yang menggunakan gitar dan keyboard. Gitar dan keyboard akan mengiringi paluan gendang. Walaupun persembahan bergendang kini telah mempunyai variasi dalam penggunaan alat muziknya, namun alat utama yang menjadi nadi dalam persembahan bergendang wajib ada kerana itu merupakan keaslian yang cuba dikekalkan dan dipelihara hingga kini.

4.4 Evolusi Busana / Kostum

Selain mengalami evolusi dari segi elemen persembahan dan fungsi, persembahan bergendang juga mengalami evolusi dari segi busana yang dipakai ketika persembahan berlangsung. Buku tulisan Suhana Sarkawi et.al. (2018) menyatakan bahawa busana yang dipakai oleh Penandak, Seh Gendang dan pemukun mengenakan baju harian seperti baju Melayu, kain pelikat, seluar panjang, baju kurung, serta kain sarung sebagai kelubung kepala. Walau bagaimanapun, pakaian penandak masih seperti biasa iaitu berbaju Melayu, yang dipadankan dengan sabok

atau kain sampin. Penandak juga akan mengenakan songkok tinggi sebelum membuat persembahan.

Walau bagaimanapun, temubual bersama dengan penggiat persembahan bergendang memberitahu sebaliknya. Temubual bersama Ramdi Bujang (2022) mengatakan bahawa tidak ada spesifik busana atau pakaian yang wajib dipakai semasa membuat persembahan bergendang. Hal ini demikian kerana pada waktu itu iaitu pada zaman sebelum Sarawak diperintah oleh Rajah Putih (Brooke) masyarakat masih hidup dalam serba kekurangan. Maka, mereka akan memakai apa yang ada sahaja. Jadi berdasarkan penemuan ini penulis melihat secara logik persembahan bergendang diadakan semasa aktiviti bergotong-royong sewaktu majlis atau acara besar berlangsung. Ketika itu tentunya penduduk mengenakan pakaian yang sesuai untuk bekerja berat jadi pakaian pada waktu itu tidak menjadi aspek penting yang perlu dititikberatkan.

Namun begitu, selepas era pemerintahan Rajah Putih (Brooke), maka pakaian mula menjadi elemen penting dalam sesebuah persembahan. Semasa zaman pemerintahan Rajah Putih, dikatakan bahawa penandak mengenakan pakaian seakan-akan pakaian yang dipakai oleh orang putih iaitu baju kot, bow tie, dan kasut barrette. Menurut Jamal Johari (2022), pakaian persembahan dipakai mengikut trend semasa. Pada zaman kebangkitan era Pop Yeh Yeh, penandak akan mengenakan baju dan seluar bertemakan pakaian Pop Yeh Yeh iaitu seluar berkaki besar dan baju kemeja. Begitu juga dengan kebangkitan zaman Rock and Roll, penandak mengenakan baju denim dan seluar jeans untuk bertandak semasa persembahan bergendang. Walakin itu, kedua-dua penggiat ada menyentuh tentang pakaian asal orang Melayu Sarawak iaitu penandak mengenakan baju Melayu lebar, sabok (sampin) dua jari serta songkok senget. Pada ketika itu tiada istilah penandak mengenakan tanjak dan terompah. Penandak lelaki hanya mengenakan kasut *barrette* atau hanya sekadar berkaki ayam. Tanjak hanya digunakan selepas Sarawak menyertai Malaysia pada tahun 1963 lantaran daripada pengaruh bangsawan Melayu dari Semenanjung Malaysia. Sebaliknya, busana yang dipakai oleh Seh Gendang pula hanyalah berbaju kurung dan mengenakan keringkam sejak dari dahulu lagi.

4.5 Evolusi Penyertaan Anggota Kumpulan

Pada waktu yang sama, persembahan bergendang turut berubah dari segi anggota yang menganggotai sesebuah kumpulan bergendang. Jika pada waktu dahulu Seh Gendang hanya dianggotai oleh gadis-gadis yang belum berumahtangga, kini tidak lagi. Hal ini demikian kerana seperti yang telah disentuh dalam perbincangan awal, persembahan bergendang adalah *medium* atau landasan untuk para lelaki dan wanita mencari pasangan hidup. Seh Gendang hendaklah terdiri daripada gadis-gadis yang

masih belum berkahwin. Maka, wanita yang sudah berkahwin tidak digalakkan menjadi Seh Gendang kerana bimbang isu gangguan sosial. Secara tidak langsung, jika Seh Gendang terdiri daripada para gadis, maka peratusan untuk persembahan tersebut mengundang penonton adalah lebih tinggi kerana ada nilai tarikan yang tersendiri. Hal ini berbeza pula dengan keadaan persembahan bergendang pada hari ini. Kini seh gendang tidak semestinya dianggotai oleh gadis yang belum berkahwin, bahkan wanita yang sudah berkahwin, dan berusia juga dibolehkan untuk menjadi Seh Gendang. Berdasarkan fenomena ini pengkaji melihat betapa terdesaknya persembahan bergendang untuk mendapatkan pelapis seterusnya demi kelangsungan seni tradisional ini. Begitu juga dengan penandak, jika dahulu penandak lebih terbuka kepada lelaki yang belum berkahwin, kini sesiapa sahaja boleh jadi penandak asalkan individu tersebut mempunyai bakat mencipta pantun secara spontan, mempunyai vokal yang mantap, serta daya tahan yang tinggi kerana perlu berpantun, sambil bertandak.

4.6 Evolusi Bentuk Persembahan

Persembahan bergendang juga telah berubah dari segi bentuk persembahannya. Pada masa dahulu, masyarakat Melayu Sarawak sangat berpegang teguh dengan ajaran Islam sehinggakan perbuatan saling bertukar sapu tangan di antara lelaki dan wanita yang bukan muhrim juga boleh membawa kepada jenayah tangkap khalwat. Malah, sekiranya lelaki dan wanita berbual di jendela berdua sahaja dengan keadaan wanita di dalam rumah, lelaki di luar rumah, jika dilihat oleh penduduk kampung maka penduduk kampung boleh terus membuat laporan kepada ketua kampung dan kedua-dua lelaki dan wanita tadi akan dihukum. Justeru, pegangan teguh terhadap agama Islam menjadikan persembahan bergendang ketika itu mengasingkan lelaki dan wanita menggunakan tabir (langsir). Tabir akan digantung dan menutup ruang atas dan bawah namun hanya meninggalkan ruang yang minima untuk memperlihatkan wajah Seh Gendang. Dek kerana inilah maka wujudnya tandak jenis “tandak saok” iaitu tandak untuk memikat seh gendang agar tertarik dengan penandak tersebut. Malah, evolusi dari segi bentuk persembahan ini tidak mewajibkan lagi Seh Gendang mesti disembunyikan di sebalik tabir yang tinggi dan tertutup dan hanya meninggalkan sedikit ruang untuk wajah seh gendang.

4.7 Evolusi Jenis Tandak / Tarian

Aspek terakhir yang mengalami evolusi ialah jenis tandak. Jenis tandak pada masa dahulu lebih kepada tandak jenis saok dan tandak jenis teter. Gerak tari tandak saok biasanya digerakkan dengan meletakkan kedua-dua tangan di belakang sambil

menggerakkan jari-jemari seolah-olah memanggil Seh Gendang. Badan akan dibongkokkan hampir setengah pinggang agar dapat menilik di sebalik tabir yang menyembunyikan Seh Gendang. Menurut Jamal Johari (2022), gerak tari tandak pada masa dahulu lebih kepada bunga silat. Jika dibandingkan dengan gerak tari pada masa kini, gerak tari bergendang telah berasimilasi dengan gerak tari joget. Malah, gerak tari bertandak kini juga lebih kepada kreativiti penandak untuk menggerakkan badan dan berinteraksi dengan Seh Gendang sepanjang persembahan.

5. PERBINCANGAN

Setelah mengkaji evolusi yang berlaku dalam persembahan bergendang, maka dapat disimpulkan bahawa evolusi yang berlaku terhadap persembahan ini berpunca daripada kesan perkembangan atau peredaran zaman yang meliputi ruang lingkup masa dan penduduk. Sub-topik seterusnya membincangkan penerimaan para penggiat terhadap evolusi budaya yang berlaku dalam persembahan bergendang. Gendang Melayu Sarawak mempunyai kumpulan dan penggiat yang tersendiri. Jika tiada yang lama maka tiadalah yang baru. Penyataan ini menunjukkan pentingnya bagi kita memastikan agar seni persembahan ini terus bertahan. Persoalannya, apakah evolusi yang berlaku itu dapat diterima oleh penggiat-penggiat yang sekian lama memperjuangkan seni persembahan bergendang ini? Bagi mendapatkan jawapan kepada soalan ini, pengkaji menemubual penggiat yang sekian lama berkecimpung dalam bidang persembahan bergendang ini. Hasil temubual tersebut menunjukkan bahawa mereka bersetuju dan menerima akan proses evolusi budaya yang berlaku terhadap persembahan bergendang. Temubual bersama dengan Ramdi Bujang (2022) menyatakan bahawa bagi memastikan sesebuah budaya mampu bertahan, maka kebudayaan itu wajar bertahan lama seiring dengan peredaran masa. Maka, situasi ini bertepatan dengan teori evolusi budaya yang telah diperkenalkan oleh Darwin (1859) bahawa sesebuah kebudayaan perlu menerima evolusi yang berlaku dalam sesebuah persembahan.

Selain itu, Jamal Johari (2022) mengatakan bahawa beliau bersetuju agar persembahan bergendang ini mengalami evolusi namun mesti mengekalkan ciri-ciri asal persembahan bergendang. Hal ini kerana, bagi memastikan sesebuah kebudayaan tersebut bertahan dengan utuh, maka kita harus berani menerima perubahan seiring dengan peredaran masa.

“Jangan jadikan pentas itu sebagai pentas orang mati. Kita menghiburkan orang bukan suruh orang tidur.”

Perubahan perlu diterima, asalkan tidak meninggalkan elemen atau asas yang utama dalam persembahan bergendang, yang asal kita kekal, yang moden kita tambah.

Selain itu, kewajaran evolusi terhadap persembahan bergendang juga meliputi keperluan untuk memelihara seni ini agar ia dapat diwarisi oleh generasi muda pada masa akan datang.

6. KESIMPULAN

Secara umumnya, dapat dilihat dengan jelas bahawa sesebuah kebudayaan akan mengalami proses evolusi dalam mempertahankan kewujudannya di zaman yang sering berubah mengikut arus kemodenan. Seni kebudayaan seperti Gendang Melayu Sarawak mengalami proses evolusi demi kelangsungannya untuk bertahan dalam zaman moden. Hal ini demikian kerana cabaran besar untuk kesenian bukanlah teknologi atau zaman itu sendiri, tetapi cabaran dari masyarakat itu sendiri. Selain itu, kesenian dan kebudayaan yang kita miliki mungkin akan lenyap begitu sahaja jika tiada daya dan usaha kita untuk mengekalkannya. Pihak kerajaan dan masyarakat perlu berganding bahu dalam memastikan kesenian dan kebudayaan seperti ini terus mekar dan hidup walaupun terdapat banyak elemen yang telah berubah. Oleh yang demikian, usaha yang berterusan dan konsisten perlu dijalankan oleh semua pihak untuk lebih terus kreatif dan inovatif dalam membangunkan sesebuah kebudayaan dan kesenian terutamanya dalam konteks negara ini yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa dan agama.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Creative Media & Technology dan Malay Achipelago Global Wisdom (MAGIS) Research Initiative Group, College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Selangor, Malaysia.

RUJUKAN

- Azizah Hamzah. (2004). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Universiti Malaya. https://scholar.google.com/citations?view_op=view_citation&hl=en&user=iFK2rv4AAAAJ&citation_for_view=iFK2rv4AAAAJ:Wp0glr-vW9MC
- Batubara, T. (2022). Teori evolusi budaya dalam perspektif sejarah, Vol 3 No. 1-132. *JurnalParadigma*. <https://journal.ugm.ac.id/paradigma/article/view/75102/pdf>
- Boyd, R., & Richerson, P. J. (1995). Why culture is common and cultural evolution is rare? *Proceeding of British Academy*, (88), 77-93. <https://www.thebritishacademy.ac.uk/documents/3949/88p077.pdf>
- Daud, M. (1999). *Glimpses of Malay life in Sarawak*.

- Ding, C. M. (2008). The role of pantun as cultural identity for Nusantara in 21st century and beyond. *Universiti Kebangsaan Malaysia*. https://www.academia.edu/30226694/The_Role_of_Pantun_as_Cultural_Identity_for_Nusantara_in_21st_Century_and_Beyond
- Ellwood, C. A. (1918). Theories of Cultural Evolution. *American Journal of Sociology*, 23(6), 779–800. <http://www.jstor.org/stable/2764036>
- Fatimah Abdullah. (2009). Dari halaman rumah ke merak kayangan: Upacara perkahwinan Melayu bandar. *Sari* 27, 97-107. https://www.researchgate.net/publication/242466588_Dari_Halaman_Rumah_ke_Dewan_Merak_Kayangan_Upacara_Perkahwinan_Melayu_Bandar
- Gazalba, S. (1977). *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Bulan Bintang.
- Hamidah Abdul Wahab, Wan Robiah Meor Osman, Farah Hanini Abdul Rahman, & Rosnah Mustafa. (2008.). Kelestarian budaya rakyat Melayu Sarawak dalam era globalisasi. *Universiti Malaysia Sarawak*.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Sarawak. (2022). *Gendang Melayu Sarawak*. Pemetaan Budaya. <https://pemetaanbudaya.my/culture/dis/614>
- Kasuma, Jati. (1994). Gendang Melayu Sarawak Kedudukannya dalam masyarakat dulu dan kini: Satu Perbandingan. *Sarawak Gazette*. https://www.researchgate.net/publication/322498875_Gendang_Melayu_Sarawak_Kedudukannya_dalam_masyarakat_dulu_dan_kini_Satu_Perbandingan/citation/download
- Kechot, A. S., Aman, R., & Shahidi, A. (2017). Komunikasi Sosial dalam Kalangan Etnik Di Lembangan Sadong: Gendang Melayu Sarawak (Sarawak Malay drums: Social interaction among the ethnic of basin Sadong). *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 158-172. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2017-3301-11>
- Kirk, J., Miller, M. L., & Miller, M. L. (1986). *Reliability and validity in qualitative research*. SAGE.
- Mary Fatimah Subet & Salbia Haji Hassan, (2009). "Bergendang dan Bermukun dalam Masyarakat Melayu Sarawak". *Proceedings of Seminar Budaya Melayu Sarawak V, Kompleks Pelancongan Sarawak, Kuching*. Prosiding Seminar Budaya Melayu Sarawak Mac 19-21 2009.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review* 50, 370-396. York University Toronto, Ontario. <https://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.318.2317&rep=rep1&type=pdf>
- Mohammad Rashidi Ahmad. (2001). *Amalan budaya Gendang Melayu Sarawak di Sadong Jaya, Kota Samarahan*[Unpublished]. Universiti Teknologi Mara. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/58407/>
- Mohammad Archil Norrlatep. (2018, Januari 3). Bermukun, adat Melayu Sarawak yang tidak lapuk ditelan zaman. *Utusan Borneo Online*. <https://www.utusanborneo.com.my/2018/01/03/bermukun-adat-melayu-sarawak-yang-tidak-lapuk-ditelan-zaman>

- Mohd. Fauzi Abdullah, Abd. Hamid Mukri, Roselan Baki Omar Mamat, Raja Ahmad Raja Musa, Ahmad Shahril Rajain. (2002). *Pemikiran cinta bermukun dalam gendang melayu sarawak. Institut Bahasa Melayu Malaysia*, Kuala Lumpur
- Narawi, M. S. (2016). Nilai murni dalam bermukun Dan bergendang masyarakat melayu Sarawak. *Proceedings of The ICECRS*, 1(1). <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.581>
- Norsyazwani Nasir. (2015, Oktober 15). Hiburan moden 'bunuh' warisan bergendang. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/10/90449/hiburan-moden-bunuh-warisan-bergendang>
- Prabu N. A. P.; Ana Agustin Purwaningsih, Mega Hayuningtyas Erwanti; & `Siti Rachma Fathiya. (2014). *Makalah teori evolusi*. Fakulti Airlangga.
- Putri, L. P. (2021). Teori evolusionisme. <https://doi.org/10.31219/osf.io/zwvuy>
- Razali Haji Yu, (2010). *Kajian Budaya Bergendang di Kalangan Orang Melayu Sarawak. Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching*.
- Rohana Yusof. (2010). *Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Siyu, H. B. (2022, Jun 30). Segendang bukan sekadar hiburan. *Utusan Sarawak*. <https://www.utusansarawak.com.my/?p=33060>
- Yusuf, M. R. (1980). *Melati Sarawak*